

HURAIAN PERUBAHAN TAKSIRAN ZAKAT SAHAM BAGI PEMILIK INDIVIDU DARIPADA HARGA TERENDAH DAN UNTUNG-BERSIH KEPADA HARGA SEMASA

MUHSIN NOR PAIZIN

Pusat Pungutan Zakat, Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91,
56100 Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur
muhsin.paizin@zakat.com.my

HAIRULFAZLI MOHAMMAD SOM

² Jabatan Syariah, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

hairulfazli@kuis.edu.my

*Corresponding Author

ABSTRAK:

Saham merupakan sebuah dokumen atau skrip yang menjadi bukti pemilikan seseorang pemodal terhadap sebahagian modal syarikat. Saham turut dianggap sebagai barang perniagaan kerana aktivitinya yang menjana keuntungan kepada pelaburnya. Dalam istilah fiqh saham dikenali urud al-tijarah. Disebabkan sifat saham yang menjana kekayaan, maka saham diwajibkan zakat setelah mencukupi syarat-syaratnya. PPZ selaku pengutip zakat saham telah memperkenalkan kaedah taksiran zakat saham yang terbahagi kepada dua iaitu saham yang dibeli untuk disimpan dalam jangka masa panjang untuk mendapatkan dividen setiap tahun (kaedah harga terendah) dan kedua, saham yang dibeli dan dijual dengan kerap untuk mendapatkan keuntungan hasil daripada jualan saham tersebut (kaedah untung-rugi). Sunguhpun begitu, PPZ telah mendapati terdapat keperluan untuk membuat semakan semula kaedah taksiran sedia ada oleh kerana kaedah asal tidak begitu menyeluruh. Justeru setelah membuat kajian, PPZ memperkenalkan kaedah baru iaitu taksiran zakat saham menggunakan harga semasa yang sebenarnya lebih menepati beberapa faktor.

Kata Kunci: zakat, saham, taksiran, kiraan, PPZ

1. Konsep Zakat Saham

Sebelum dijelaskan tentang kaedah taksiran zakat saham bagi pemilik individu, kertas ini akan menjelaskan tentang takrif saham, definisi zakat saham menurut beberapa institusi zakat dan syarat wajib zakat saham, khususnya dalam bahagian ini.

1.1 Takrif Saham

Dalam bahasa Arab, saham atau *sahm* mempunyai beberapa makna. Ibn Faris menjelaskan *sahm* dari sudut bahasa memberi dua pengertian dasar iaitu; i) Perubahan pada warna dan ii) Bahagian atau juga membawa maksud undian.

Saham dari sudut istilah pula mempunyai pelbagai definisi yang kebanyakannya memberikan pengertian yang hampir sama. Secara umumnya, terdapat dua bentuk pendekatan dalam mendefinisikan saham iaitu:

- i. Saham sebagai dokumen/sijil/skrip tertentu. Definisi ini meletakkan saham sebagai dokumen berharga yang merupakan tanda kepemilikan seseorang atau badan terhadap suatu syarikat.
- ii. Saham sebagai bahagian atau pemilikan dalam aset syarikat. Definisi ini menyatakan bahawa pemilik saham tersebut adalah juga pemilik sebahagian dari perusahaan itu. Dengan demikian kalau seseorang membeli saham, maka ia pun menjadi pemilik bagi sebahagian saham perusahaan.

Kedua-dua pengertian di atas mempunyai hubung kait yang rapat kerana definisi kedua mentakrifkan saham sebagai suatu bahagian dalam pemilikan modal syarikat, sementara definisi pertama pula merujuk kepada saham sebagai dokumen atau skrip yang menjadi bukti pemilikan seseorang pemodal terhadap sebahagian modal syarikat.

Kedua-duanya juga membawa erti bahawa saham adalah merupakan suatu bentuk pelaburan di mana ia sangat hampir dengan makna perniagaan iaitu melibatkan risiko serta untung atau rugi kepada pelaburnya. Dari sudut fiqh, saham turut dianggap sebagai barang perniagaan dan dikenali dalam istilah fiqh sebagai *urud al-tijarah* (Lokmanulhakim *et. al*, 2015). Namun begitu, aset yang diwakili oleh saham tidak dianggap milikan kepada pemegang saham. Sebaliknya, pemilik sebenar aset syarikat ialah syarikat itu sendiri sebagai satu *syakhsiyah i'tibariyah*. Pemegang saham hanya memiliki hak untuk memperoleh keuntungan daripada syarikat.

1.2 Definisi Zakat Saham

Institusi zakat mendefinisikan zakat saham dalam pelbagai cara, namun kebanyakan mempunyai makna yang juga serupa. Antaranya menurut Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan), mendefinisikan zakat saham sebagai zakat yang dikenakan ke atas saham-saham yang dimiliki oleh seseorang individu dengan kadar 2.5%.

Manakala Pusat Kutipan Zakat Pahang menyebut zakat saham adalah zakat yang dikeluarkan ke atas pelaburan saham yang telah genap setahun (haulnya) dan cukup nisabnya. Pusat Zakat Negeri Sembilan pula menjelaskan zakat saham merupakan nilai zakat yang diwajibkan sebanyak 2.5% atas nilai terendah sesuatu tahun semua saham (setelah ditolak hutang atas saham-saham tersebut), kalau nilai tersebut tidak kurang dari nisab.

Ringkasnya, zakat saham bermaksud zakat yang dikenakan dengan kadar sebanyak 2.5% ke atas saham-saham yang dimiliki oleh pelabur.

1.3 Syarat Wajib Zakat Saham

Saham telah digunakan sebagai medium pelaburan dalam kegiatan ekonomi semasa di zaman moden. Saham juga dilihat sebagai simbol kehartaan dan kekayaan seseorang yang boleh berkembang dan hidup serta menggerakkan kegiatan muamalat sesama manusia. Justeru, disebabkan sifatnya yang mampu menjana kekayaan maka para ulama telah menetapkan saham itu diwajibkan zakat. Hal ini diperkukuhkan oleh dalil al-Quran yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.” [Surah Al-Baqarah (2): 267]

Sebagaimana jenis zakat yang lain, saham juga hanya diwajibkan zakat sekiranya mencukupi beberapa syarat, iaitu pemilikinya adalah Islam, saham dimiliki dengan sempurna, nilai saham mencukupi nisab, tempoh pemilikan mencukupi haul dan pelaburan itu sendiri yang hendaklah patuh syarak yakni halal.

Syarat Islam. Zakat difardhukan ke atas pemilik harta yang beragama Islam sahaja. Orang kafir atau bukan Islam tidak difardhukan menunaikan zakat, bahkan zakat mereka tidak sah jika ditunaikan kerana zakat mempunyai ciri-ciri ibadat.

Syarat milik sempurna. Pemilik saham mesti mempunyai kuasa menjual dan memperoleh manfaat daripada portfolio saham atau pelaburan. Dengan pemilikan sempurna, sesuatu harta tidak tertakluk kepada hak pihak lain, pemiliknya mampu mengendalikan harta tersebut secara bebas, dan keuntungan daripadanya juga kembali kepada pemiliknya. Manakala saham atau pelaburan yang dimiliki masjid, surau, dan-dana untuk masalah am dan seumpamanya, tidak diwajibkan zakat.

Syarat cukup nisab. Nisab portfolio pelaburan mesti nilaian yang sama atau lebih dengan nilaian 85 gram emas (sekitar RM14,000 pada tahun 2017). Apabila nilai portfolio pelaburan bersamaan atau melebihi nisab maka ianya diwajibkan zakat. Zakat tidak dikenakan terhadap harta kecuali selepas mencukupi nisab.

Syarat cukup haul. Haul bagi saham dan pelaburan lain hendaklah genap tempoh satu tahun pemilikan portfolio pelaburan. Syarat ini bermaksud harta yang telah mencukupi nisabnya hendaklah melalui tempoh selama 12 bulan qamariyyah sebelum dikenakan zakat terhadapnya. Pensyaratan haul terhadap sesetengah harta adalah pendapat jumhur ulama dan sebahagian mereka menukulkannya sebagai ijmak (Lokmanulhakim *et. al*, 2015).

Syarat pelaburan patuh syarak (halal). Saham yang diterbitkan untuk operasi perniagaan teras yang halal. Secara umum, syarikat yang menjalankan aktiviti selaras dengan prinsip syarak akan diklasifikasikan sebagai patuh syarak oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC). Manakala syarikat yang menjalankan aktiviti teras yang tidak selaras dengan syarak akan diklasifikasikan sebagai tidak patuh syarak. Secara asasnya saham tidak patuh syarak tidak diwajibkan zakat. Namun boleh dizakatkan kepada modal asal pelaburan sahaja. Orang Islam yang mempunyai pegangan saham dalam syarikat-syarikat demikian amat digalakkan untuk melepaskan pegangan saham tersebut dengan menjual semula saham-saham terbabit. Sebarang keuntungan daripada penjualan semula saham tersebut hendaklah dilupuskan dengan cara menyerahkannya kepada baitulmal atau menyalurkannya kepada maslahat umum atau kepada saluran-saluran kebajikan.

2. Kewajipan Zakat Saham Ke Atas Individu

Pihak yang wajib mengeluarkan zakat saham yang dimiliki individu ialah pemilik-pemilik saham itu sendiri. Ini kerana saham adalah mewakili pemilikan bahagian dalam aset syarikat secara tidak tertentu (*undivided*). Sebagai pemilik sebenar kepada aset syarikat, maka zakat sepatutnya adalah diwajibkan ke atas pemilik saham. Pandangan ini juga dipilih oleh Majlis

Majma' al-Fiqh al-Islami dalam persidangannya pada tahun 1408H yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi. Resolusi persidangan tersebut memutuskan:

“Wajib zakat saham-saham ke atas pemilik-pemiliknyanya”. (Qararat wa Tawsiyat Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami, 1418H, 63; Majallah Majma' al-Fiqh, Bil. 4, 1:881).

Walau bagaimanapun resolusi tersebut menyebut bahawa pihak pengurusan syarikat boleh mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik saham dalam situasi-situasi berikut:

- i. Jika diperuntukkan dalam peraturan syarikat bahawa ia perlu mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik saham.
- ii. Jika diputuskan dalam ketetapan atau resolusi perhimpunan agung syarikat bahawa ia perlu mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik saham.
- iii. Jika undang-undang sesebuah negara mewajibkan syarikat mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik saham.
- iii. Jika pemilik saham menyerahkan kepada pihak pengurusan syarikat untuk mengeluarkan zakat bagi pihaknya.

Namun, dalam keadaan biasa dan sebagaimana amalan majoriti syarikat di Malaysia, syarikat hanya mengeluarkan zakat perniagaan bagi perniagaan syarikat itu sendiri. Sedangkan zakat terhadap pemilikan serta keuntungan saham yang dimiliki oleh pelabur diserahkan sepenuhnya kepada pelabur-pelabur untuk memikirkan dan melunaskan tanggungjawab zakat saham mereka.

3. Perbincangan Kajian

Perbincangan dalam kertas ini akan menjelaskan tentang dua kaedah zakat saham yang telah dan akan digunapakai oleh PPZ (Wilayah Persekutuan) iaitu kaedah taksiran asal, yang telah diamalkan sejak sekian lama, dan kaedah taksiran baru yang akan dicadangkan, iaitu kaedah yang sedang dipersiapkan PPZ untuk dilaksanakan.

Umumnya terdapat dua jenis pelaburan saham yang lazimnya dilakukan oleh pelabur iaitu pertama, saham yang dibeli untuk disimpan dalam jangka masa panjang untuk mendapatkan dividen setiap tahun (juga keuntungan modal / *capital gain*) dan kedua, saham yang dibeli dan dijual dengan kerap untuk mendapatkan keuntungan hasil daripada jualan saham tersebut. Kedua-dua kaedah pelaburan saham ini membawa kepada kaedah taksiran zakat yang agak berbeza.

3.1 Kaedah Taksiran Asal

3.1.1 Saham yang Disimpan

Kaedah taksiran zakat saham yang asal di PPZ adalah dikira dengan kadar 2.5% daripada nilai terendah semua saham yang dimiliki oleh seseorang individu sepanjang tahun. Jika nilai terendah sukar ditentukan, maka ia menggunakan nilai di awal atau akhir tahun mengikut mana yang lebih rendah (Nor Aini, 2003).

Kaedah pengiraan ini digunakan bagi saham-saham yang disenaraikan di mana saham-saham tersebut masih dimiliki selepas cukup haul. Maka, pengiraan zakat ialah 2.5% atas nilai saham

terendah atau baki terendah sepanjang tempoh setahun. Ini bermakna sekiranya harga saham itu menurun kemudian meningkat kembali, maka zakat akan dikenakan dengan mengira nilai terendah dalam sesuatu haul dan didarab dengan nilai saham yang dimiliki. Ini kerana nilai terendah merupakan pemilikan tetap pelabur dalam tempoh setahun. Ia juga merupakan pemilikan yang paling minimum dalam satu tahun dan memberi keadilan kepada semua pelabur. Hal ini dapat dijelaskan melalui senario di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pelaburan Saham Yang Disimpan di Satu Syarikat

Tarikh	Unit Saham	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1 Jan 2000	10,000	2.00	20,000
Mac 2000	10,000	1.80	18,000
Julai 2000	10,000	1.50	15,000
31 Dis 2000	10,000	2.00	20,000

Berdasarkan Jadual 1 di atas, taksiran zakat saham (bagi kaedah asal) adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= (\text{Jumlah nilai saham terendah seunit}) \times (\text{bilangan unit saham}) \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}1.50 \times 10,000 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}15,000 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}375.00
 \end{aligned}$$

Bagi pelabur yang memiliki banyak unit saham di beberapa buah syarikat, taksiran hendaklah dibuat dengan mencampurkan jumlah nilai saham terendah bagi setiap syarikat. Andaikan pelaburan telah dibuat di tiga buah syarikat, maka pengiraan adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pelaburan Saham Yang Disimpan di Banyak Syarikat

Syarikat	Unit Saham (RM)
Syarikat A	10,000
Syarikat B	12,000
Syarikat C	9,000
Syarikat D	15,000
JUMLAH	46,000

Berdasarkan Jadual 2 di atas, taksiran zakat saham (bagi kaedah asal) adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= \text{Jumlah nilai terendah saham semua syarikat} \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}46,000 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}1,150.00
 \end{aligned}$$

Kaedah yang digunakan dalam kedua-dua situasi di atas sebenarnya menyamakan hukum zakat saham dengan hukum zakat wang simpanan, di mana setelah cukup satu haul, maka 2.5% dikeluarkan daripada baki terendah sepanjang haul (Lokmanulhakim *et. al.*, 2015).

Zakat simpanan atau zakat wang simpanan bermaksud zakat ke atas wang yang disimpan di dalam akaun, akaun simpanan tetap, akaun semasa, serta lain-lain simpanan di bank atau mana-mana institusi kewangan. Zakat wang simpanan dikenakan ke atas jumlah baki terendah dalam

tempoh setahun simpanan apabila cukup nisab dan haulnya serta menyamai atau melebihi nisab.

Justeru, kaedah taksiran zakat saham yang asal sebenarnya meniru kaedah yang digunakan oleh zakat wang simpanan sedangkan, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam takrifan saham, saham bukanlah sejenis simpanan akan tetapi adalah satu bentuk pelaburan yang melibatkan risiko, untung dan rugi serta sifat pemilikan harta yang berbeza (berbanding simpanan) kepada pemiliknya.

3.1.2 Saham yang Dijual-Beli

Kaedah ini digunakan bagi saham-saham yang disenaraikan di mana saham-saham diurusniagakan atau dijual beli sepanjang tempoh setahun untuk memperolehi keuntungan dalam masa yang singkat. Oleh itu, kaedah taksiran zakat yang asal adalah dengan dikenakan sebanyak 2.5% daripada keuntungan yang diperolehi selama setahun tanpa dikenakan ke atas modal. Hal ini boleh dirujuk dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jual-Beli Saham Dalam Tempoh Setahun

Bulan	Unit Saham	Harga Belian (RM seunit)	Nilai Belian (RM)	Harga Jualan (RM seunit)	Nilai Jualan (RM)
Januari	5,000	1.00	5,000	1.20	6,000
Februari	5,000	1.20	6,000	1.30	6,500
Mac	6,000	1.50	9,000	1.25	7,500
April	8,000	1.50	12,000	1.60	12,800
Mei	8,000	2.00	16,000	2.20	17,600
Jun	5,000	1.10	5,500	1.50	7,500
Julai	10,000	1.00	10,000	1.10	11,000
Ogos	10,000	1.10	11,000	1.40	14,000
September	8,000	1.10	8,800	1.20	9,600
Oktober	5,000	2.00	10,000	2.10	10,500
November	6,000	1.20	7,200	1.30	7,800
Disember	10,000	1.00	10,000	0.90	9,000
Jumlah			110,500		119,800

Berdasarkan Jadual 3 di atas, taksiran zakat saham (bagi kaedah asal) adalah seperti berikut:
Zakat yang wajib dibayar:

$$= (\text{Jumlah nilai jualan} - \text{Jumlah nilai belian}) \times 2.5\%$$

$$= (\text{RM}119,800 - \text{RM}110,500) \times 2.5\%$$

$$= \text{RM}9,300 \times 2.5\%$$

$$= \text{RM}232.50$$

Kaedah ini sebenarnya merupakan kaedah yang serupa dengan taksiran zakat perniagaan secara untung-rugi (untung bersih) yang diamalkan di PPZ. Kaedah taksiran zakat perniagaan secara untung-rugi sebenarnya sangat lazim digunakan bagi jenis-jenis perniagaan yang tiada akaun atau penyata kewangan seperti peniaga kecil dan runcit contohnya pasar tani, pasar malam,

restoran, kedai makan, gerai-gerai makanan dan minuman dan lain-lain perniagaan yang berkaitan.

Sekiranya dilihat dengan lebih mendalam lagi, kaedah untung-rugi sebenarnya adalah kaedah yang melihat prestasi perniagaan secara umum yang asas sahaja. Malah ia tidak menggambarkan realiti sebenar perniagaan berbanding sekiranya melihat kepada penyata Kunci Kira-Kira (*Balance Sheet*). Kaedah ini juga sebenarnya kurang bertepatan dengan perbincangan ulama berkenaan dengan zakat barang perniagaan, iaitu zakat dikira berdasarkan kepada nilai barang perniagaan yang berada dalam pemilikannya, dan bukannya berdasarkan kepada keuntungan sepanjang tahun (Lokmanulhakim et. al, 2015). Cumanya, kaedah untung rugi menjadi satu penyelesaian kepada perniagaan yang tidak mempunyai rekod transaksi yang lengkap. Justeru tidak bermakna semua bentuk perniagaan boleh memakai kaedah tersebut selamanya. Maka seharusnya saham yang jatuh di bawah kategori barang perniagaan juga hendaklah dinilai semula, yakni untuk tidak menggunakan kaedah ini dalam membuat taksiran zakat saham.

3.2 Kaedah Taksiran Baru

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan di atas, timbul keperluan oleh PPZ untuk membuat semakan semula terhadap kaedah taksiran zakat saham sedia ada. Justeru PPZ telah menjalankan sebuah kajian bersama-sama dengan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) dan telah berjaya menerbitkan Kertas Penyelidikan ISRA No.79/2015 yang boleh dijadikan rujukan utama (Lokmanulhakim et. al, 2015).

Hasil daripada kajian ini juga telah dibawa untuk diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-94 pada 11 November 2015, bahawa mesyuarat fatwa tersebut telah membuat keputusan fatwa (tidak diwartakan) seperti berikut:

- a) Zakat wajib dikenakan terhadap pemilik-pemilik saham individu dan dikategorikan sebagai Zakat Saham.
- b) Kadar zakat yang wajib dikeluarkan adalah 2.5% daripada nilai pasaran saham-saham semasa yang berada dalam pemilikannya.
- c) Saham yang dibeli untuk tujuan diurusniagakan atau berjangka pendek hendaklah dizakatkan dengan kadar sebanyak 2.5% daripada nilai pasaran semasa yang berada dalam pemilikannya.
- d) Saham yang dibeli untuk mendapat pulangan tahunan atau pemilikan jangka masa panjang hendaklah dizakatkan dengan kadar sebanyak 2.5% daripada harga saham mengikut pasaran semasa.

(Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-94)

Maka daripada keputusan fatwa di atas, kaedah taksiran baru diperkenalkan dengan kadar zakat yang wajib dikeluarkan adalah 2.5% daripada nilai pasaran saham-saham semasa yang berada dalam pemilikan pelabur. Apa yang ingin ditekankan di sini ialah nilai saham hendaklah ditentukan berdasarkan kepada nilai pasaran semasa.

Kaedah baru ini berpandangan dengan bersandarkan kepada hujah dari sudut hukum asal, bahawa saham adalah sebagai barang perniagaan (*urud al-tijarah*) ditentukan harganya berdasarkan nilai semasa di pasaran ketika wajibnya zakat. Ini kerana aktiviti pelaburan saham adalah dinaggap sama dengan aktiviti berniaga, maka begitulah juga saham yang mewakili barang perniagaan (*urud al-tijarah*), nilainya hendaklah ditentukan berdasarkan nilai semasa di pasaran. Beberapa *athar* daripada salaf menunjukkan kepada pendapat ini, antaranya adalah *athar* Jabir bin Zayd:

Yang bermaksud: "Nilailah ia dengan seumpama harganya pada hari wajibnya zakat, kemudian keluarkan zakatnya" (Al-Qāsim Bin Sallām, dalam Lokmanulhakim et. al, 2015).

Pandangan ini juga dipilih kerana ia lebih praktis, tepat dan memudahkan pengiraan zakat pemegang saham. Ini kerana nilai saham semasa di pasaran dapat diperolehi dengan mudah, berbanding dengan penilaian berdasarkan kepada nilai terendah dalam satu tahun.

Kaedah ini juga diputuskan dalam beberapa resolusi antabangsa. Antaranya resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami No. (3) 4/08/88 yang memutuskan:

Yang bermaksud: "Jika pemegang saham memperoleh pemilikan saham-sahamnya dengan tujuan perniagaan, maka dia hendaklah mengeluarkan zakatnya sebagai zakat barang perniagaan. Apabila mencukupi haul zakatnya dan ia berada dalam pemilikannya, hendaklah dia mengeluarkan zakatnya berdasarkan nilai pasaran."

Standard Syariah AAOIFI 5/2/2 juga menyebut tentang perkara ini:

"Penilaian barang perniagaan (urud al-tijarah) disempurnakan dengan merujuk kepada harga jualan pada nilai pasaran di tempat wujudnya ia dengan berdasarkan kepada jualan secara borong atau secara runcit." (AAOIFI, 2010).

3.2.1 Saham yang Disimpan

Berdasarkan pandangan yang dinyatakan di atas, pemegang saham hendaklah mengeluarkan zakat saham sepertimana zakat dikenakan terhadap barang perniagaan (*urud al-tijarah*), tanpa melihat kepada jenis aktiviti perniagaan yang dijalankan, dan tanpa melihat kepada niat pembeli saham sama ada atas tujuan diniagakan atau membuat pelaburan dan mendapatkan pulangan tahunan. Kadar yang dikenakan zakat ialah sebagaimana dalam permasalahan zakat perniagaan iaitu 2.5% daripada nilai saham pada pasaran semasa dicampur dengan pulangan atau dividen yang diterima.

PPZ telah mengambilkira pandangan ini dan menyediakan satu formula kiraan zakat saham yang bukan sahaja melihat kepada pemilikan saham dinilai dengan harga semasa, malah turut mengambilkira baki dalam *Trust Account* atau *CDS (Central Depository System) account* pelabur dalam tujuan pengiraan zakat. Amaun berbaki dalam *Trust/CDS Account* merupakan modal pemegang saham boleh diiktiraf sebagai milik sepenuhnya. Sekiranya amaun berbaki tersebut mencukupi nisab dan telah mencukupi haul ketika tempoh pemegangan saham, maka ia hendaklah dizakatkan walaupun pelabur tidak memiliki apa-apa saham. Kadarnya ialah 2.5% daripada keseluruhan tersebut.

Pada masa yang sama, pengecualian juga diberikan kepada kos-kos yang berkaitan dalam pelaburan saham seperti upah broker dan sebagainya. Hal ini dapat dijelaskan melalui senario di dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Penyata Pelaburan Saham Pada Hujung Haul

Syarikat	Unit Saham	Harga Semasa Seunit (RM)	Jumlah Saham (RM)
Syarikat A	10,000	1.50	15,000
Syarikat B	20,000	1.00	20,000
Syarikat C	5,000	2.00	10,000
Syarikat D	10,000	1.30	13,000
JUMLAH SAHAM			58,000
Baki Trust / CDS Account			RM 12,000
Kos Berkaitan (Contoh: 0.4% yuran broker)			RM 232.00
Dividen			RM 1,000

Berdasarkan Jadual 4 di atas, taksiran zakat saham bagi saham yang disimpan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= ([\sum \text{Harga Saham Semasa} + \text{Baki Semasa Trust / CDS Account} + \text{Dividen}] - \text{Kos berkaitan}) \\
 &\times 2.5\% \\
 &= ([\text{RM}58,000 + \text{RM}12,000 + \text{RM}1,000] - \text{RM}232) \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}70,768 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}1,769.20
 \end{aligned}$$

Taksiran saham bagi pelaburan secara simpanan yang baharu mengambilkira dividen atau keuntungan yang diperolehi dalam pelaburan sepanjang tahun.

3.2.2 Saham yang Dijual-Beli

Bagi saham yang dipegang secara jangka pendek iaitu yang dibeli untuk diniagakan, ia juga dikira sebagai *urud al-tijarah*. Oleh itu, zakat yang diwajibkan adalah berdasarkan zakat perniagaan sebagaimana yang disepakati oleh ulama kontemporari.

Kaedah taksiran zakat saham yang dijual-beli, tidak jauh berbeza dengan kaedah di atas (saham yang disimpan). Ini kerana kedua-duanya menggunakan formula kenaan zakat terhadap harga saham dengan nilai semasa, namun dikecualikan dividen. Hal ini boleh dilihat dengan merujuk Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Penyata Pelaburan Saham Pada Hujung Haul

Syarikat	Unit Saham	Harga Semasa Seunit (RM)	Jumlah Saham (RM)
Syarikat A	10,000	1.50	15,000
Syarikat B	20,000	1.00	20,000
Syarikat C	5,000	2.00	10,000

Syarikat D	10,000	1.30	13,000
JUMLAH SAHAM			58,000
Baki Trust / CDS Account			RM 12,000
Kos Berkaitan (Contoh: 0.4% yuran broker)			RM 232.00

Berdasarkan Jadual 5 di atas, taksiran zakat saham bagi pelaburan secara jual-beli adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= ([\sum \text{Harga Saham Semasa} + \text{Baki Semasa Trust / CDS Account}] - \text{Kos berkaitan}) \times 2.5\% \\
 &= ([\text{RM}58,000 + \text{RM}12,000] - \text{RM}232) \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}69,768 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}1,744.20
 \end{aligned}$$

Sekiranya dilihat dengan lebih terperinci, sebenarnya kaedah taksiran zakat saham bagi saham yang disimpan telah pun mencakupi pelabur yang melakukan dua jenis aktiviti pelaburan. Bermakna sekiranya seseorang pelabur itu membuat pelaburan dengan menyimpan saham serta menjual-beli saham secara serentak, maka kaedah seperti dalam Jadual 4 telah pun membantu mereka melaksanakan kewajipan zakat saham mereka.

4. Rumusan Perbincangan

Berdasarkan penjelasan yang telah dibuat, dapat dibuat perbandingan antara kaedah baru dan kaedah lama zakat saham. Ia dapat diringkaskan dalam jadual 6 di bawah:

	Kaedah Taksiran Asal	Kaedah Taksiran Baru
Saham Disimpan	$\sum \text{Harga Saham Terendah} \times 2.5\%$	$(\sum \text{Saham Harga Semasa} + \text{Trust/CDS} + \text{Dividen} - \text{Kos Berkaitan}) \times 2.5\%$
Saham Dijual-Beli	$\sum \text{Untung Bersih} \times 2.5\%$	$(\sum \text{Saham Harga Semasa} + \text{Trust/CDS Account} - \text{Kos Berkaitan}) \times 2.5\%$

Dr. Yusuf al-Qardawi telah memberi pandangan bahawa kaedah berdasarkan harga semasa lebih bersesuaian untuk individu kerana setiap pemegang saham mengetahui kadar dan nilai sahamnya dan mengetahui kadar keuntungan tahunan yang diterimanya, maka ini memudahkannya untuk mengeluarkan zakat (Lokmanulhakim *et. al.*, 2015).

Pada masa yang sama, kaedah taksiran yang baru lebih menepati makna sebenar saham itu sendiri sebagai suatu bentuk perniagaan dan bukanlah simpanan.

5. Kesimpulan

Kertas ini berhasrat untuk mengketengahkan perubahan kaedah taksiran zakat saham bagi pemilik individu daripada harga terendah dan untung-bersih kepada harga semasa yang sekarang ini dalam proses untuk dilaksanakan di PPZ (Wilayah Persekutuan).

Sebagaimana yang telah dijelaskan, saham adalah merupakan suatu bentuk pelaburan di mana ia sangat hampir dengan makna perniagaan iaitu melibatkan risiko serta untung atau rugi kepada pelaburnya. Dari sudut fiqh, saham turut dianggap sebagai barang perniagaan dan dikenali dalam istilah fiqh sebagai *urud al-tijarah*. Justeru adalah penting bagi institusi zakat mengamalkan satu bentuk taksiran zakat yang sesuai dengan maksud saham itu sendiri.

Kajian ini juga mengesyorkan kepada institusi-institusi yang bertanggungjawab dalam pengutipan zakat selain PPZ agar mengemaskini tatacara operasi *standard* pengutipan zakat saham berdasarkan dapatan-dapatan yang dikemukakan dalam kajian ini. Kesedaran para pelabur dalam kalangan pemegang-pemegang saham terhadap kewajipan menunaikan zakat saham juga harus diberikan perhatian yang sewajarnya.

6. Rujukan

- AAOIFI. (2010). *Al-Ma'āyir al-Shar'iyah*. Bahrain: Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assasāt al-Māliyyah al-Islāmiyyah.
- Fawzi. (2005). *Al-Sharikat Al-Tijariyyah Fi Al-Qawanin Al-Wadiyyah Wa Al-Shariah Al-Islamiyyah*. Bayrut: Manshurat Al-Halabi Al-Huquqiyyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an Cetakan Kedua Puluh Dua*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Lokmanulhakim Hussain, Mohd Bahroddin Badri & Mohamed Fairouz Abdul Khir. (2015). *Zakat Saham: Status Kewajipan Ke Atas Individu Pemegang Saham Dan Kaedah Pengiraan*. Kuala Lumpur: Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA).
- Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Zulfiqar. (2014). *Zakah According to the Quran & Sunnah*. Riyadh: Darussalam Publishers.
- Nor Aini Ali. (2003). Perakaunan Zakat Saham: Kajian Di Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Jurnal Syariah (11)(2)(2003)*: 81-94.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang. (t.t). *Zakat Saham*. Diambil dari <http://www.zakatpahang.my/v3/index.php/2014-09-02-14-41-09/2014-10-01-00-59-25/saham>. Diakses pada 19 Oktober 2017.
- Pusat Pungutan Zakat. (2010). *Laporan Zakat 2015*. Kuala Lumpur: PPZ.
- Pusat Pungutan Zakat. (2016). *Laporan Zakat 2015*. Kuala Lumpur: PPZ.
- Pusat Pungutan Zakat. (t.t.). *Risalah Panduan Kira Zakat*.
- Pusat Pungutan Zakat. (t.t.). Zakat Saham. Diambil dari <http://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-saham/>. Diakses pada 19 Oktober 2017.
- Qardawi M. Yusuf, Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, (Terj.). (1973). *Hukum Zakat Studi Komparatif Mengenai Status Dan Filsafat Zakat Berdasarkan Quran Dan Hadis*. Jakarta: Pustaka Litera AntarNusa.
- Ririn Fauziyah. (2010). *Pemikiran Yusuf Qardhawi Mengenai Zakat Saham dan Obligasi*. Skripsi, Fakultas Syari'ah UIN Maulana Malik Ibrahim.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2017). Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.